

Simbol “Mayau” dan “Ukui” dalam Sempama Jaku Iban Berdasarkan Perspektif Semantik Inkuisitif

The Symbols of “Mayau” and “Ukui” in Iban Sempama Jaku from an Inquisitive Semantic Perspective

Rynna Sha’erra Mindew Douglas¹, Mary Fatimah Subet^{1,2}, Muhammad Zaid Daud^{3*}

¹ Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300, Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

² Institute of Creative Arts and Technology (iCreaTe), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Mohammad Musa, 94300, Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA.

³ Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA

*Corresponding Author: zaid.daud@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2025.17.02.002>

Maklumat Artikel

Diserah: 16 Mac 2025

Diterima: 02 Jun 2025

Diterbitkan: 31 Disember 2025

Kata Kunci

Peribahasa Iban, semantik inkuisitif, budaya Iban, kucing, anjing

Abstrak

Kajian ini menganalisis dua peribahasa Iban, "Baka mayau ngelamun tai" dan "Baka ukui nyalak bukit," menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014). Pendekatan ini meneroka makna tersurat dan tersirat peribahasa dalam konteks budaya masyarakat Iban, dengan menumpukan kepada hubungan antara bahasa, kognisi, dan budaya. Data diperoleh daripada buku "Sempama Jaku Iban" oleh Umping (2010) dan wawancara berstruktur dengan lima informan yang mahir dalam tradisi masyarakat Iban. Peribahasa "Baka mayau ngelamun tai" menggambarkan percubaan menyembunyikan kesalahan, manakala "Baka ukui nyalak bukit" melambangkan tindakan yang sia-sia. Dalam peribahasa ini, mayau/kucing dan ukui/anjing digunakan sebagai metafora tingkah laku manusia. Sifat kucing yang menimbus najis mencerminkan usaha menyembunyikan kesalahan yang akhirnya diketahui, sementara sifat anjing yang menyalak bukit melambangkan tenaga yang tidak digunakan dengan bijak. Analisis ini menunjukkan bahawa masyarakat Iban menggunakan pemerhatian terhadap sifat haiwan untuk mencipta peribahasa yang sarat dengan nilai moral dan sosial, yang seterusnya mencerminkan keintelektualan mereka dalam mengaitkan sifat alam dengan pengalaman manusia. Kajian ini menegaskan kepentingan peribahasa dalam melestarikan akal budi masyarakat Iban dan memperluas aplikasi pendekatan SI dalam kajian linguistik bahasa sukuan. Penemuan ini mengukuhkan peranan peribahasa sebagai alat pemindahan nilai budaya, norma sosial, dan falsafah kehidupan. Pendekatan SI membolehkan analisis yang holistik, tidak hanya dari sudut semantik tetapi juga aspek pragmatik yang relevan dengan konteks sosial. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman budaya

Iban dan membuka ruang kepada kajian lanjut dalam linguistik bahasa sukan, sekali gus memperkayakan warisan budaya global.

Keywords

Iban proverbs, semantic inquisitive approach, Iban culture, cats, dogs

Abstract

This study analyzes two Iban proverbs, "Baka mayau ngelamun tai" and "Baka ukui nyalak bukit," using the Semantic Inquisitive (SI) approach introduced by Jalaluddin (2014). This approach explores explicit and implicit meanings of the proverbs within the cultural context of the Iban community. Data were sourced from "Sempama Jaku Iban" by Umping (2010) and structured interviews with five knowledgeable Iban informants. "Baka mayau ngelamun tai" reflects attempts to conceal faults, while "Baka ukui nyalak bukit" symbolizes futile actions. Cats and dogs serve as metaphors for human behaviors in these proverbs. The cat's act of burying feces represents efforts to hide wrongdoings, albeit unsuccessfully, while the dog's barking at a hill illustrates wasted energy. These findings highlight the Iban community's creativity in linking animal traits to human experiences, embedding moral and social values within their proverbs. This study emphasizes the role of proverbs in preserving the intellectual heritage of the Iban community while extending the application of SI in minority language studies. The findings strengthen the understanding of Iban cultural practices and underline the significance of language as a medium for cultural values, social norms, and philosophical insights relevant to modern society.

1. Pengenalan

Dari perspektif zoologi, kucing (*Felis catus*) dan anjing (*Canis lupus familiaris*) adalah dua spesies mamalia domestik yang telah lama dijinakkan oleh manusia (Zeller & Göttert, 2019; Krauze-Gryz et al., 2013). Menurut Bradshaw (2012), kucing dikenali sebagai haiwan pemburu kecil yang cekap, dengan deria penglihatan dan pendengaran yang tajam. Dalam konteks masyarakat Iban pula, sifat ini direfleksikan dalam peribahasa "Baka mayau ngelamun tai," yang menggambarkan kecenderungan kucing untuk menimbus najis sebagai lambang menyembunyikan kesalahan. Anjing pula terkenal kerana kesetiaan dan keupayaannya menjaga keselamatan (Rogak, 2011; Lemish, 2022; Kwong & Bartholomew, 2011). Namun begitu, dalam peribahasa masyarakat Iban, peribahasa seperti "Baka ukui nyalak bukit," anjing digunakan sebagai simbol tindakan sia-sia kerana merujuk kepada kebiasaan menyalak terhadap sesuatu yang tidak berubah (Douglas et al., 2023; 2024). Dalam masyarakat Iban, kucing dan anjing memainkan peranan yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana kucing sering dianggap sebagai haiwan yang mandiri dan tidak banyak bergantung kepada manusia (Ferreira et al., 2011; Jaroš, 2021; Patronek, 1998). Menurut Travník et al. (2020) pula, sifat kucing seperti ini mencerminkan sikap menyendiri tetapi berhati-hati. Dalam masa yang sama keintelektualan masyarakat Iban telah berjaya mengasosiasikan sifat kucing ini dengan seseorang yang cuba menyembunyikan kesalahannya. Manakala, menurut Coren (2001), anjing memiliki sifat yang setia dan vokal, maka anjing sering menjadi simbol perlindungan dan amaran (Douglas et al., 2024). Tetapi dalam konteks peribahasa masyarakat Iban kelakuan anjing yang "nyalak bukit," telah melambangkan tindakan yang tidak produktif. Sikap ini mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam menilai tingkah laku manusia melalui metafora haiwan (Daud et al., 2018, 2017).

Kucing dan anjing dalam masyarakat Iban bukan sahaja haiwan peliharaan tetapi juga lambang budaya. Kucing dianggap penting dalam usaha mengawal perosak (Elton, 1953; Schuurman & Dirke, 2020), seperti menurut Goodyear (1992) tikus yang sering memakan padi di guni. Anjing pula digunakan dalam aktiviti memburu (Koster, 2009; Lupo, 2017) dan menjaga rumah (Jacobs et al., 2018; Kania-Gierdziewicz & Mroszczyk, 2017). Maka dalam konteks masyarakat Iban anjing digunakan untuk menjaga rumah panjang. Dalam budaya Iban, haiwan-haiwan ini mempunyai makna simbolik yang mendalam, di mana kucing dan anjing sering digunakan dalam peribahasa untuk menyampaikan pengajaran moral dan nilai sosial (Douglas et al., 2024).

Kucing dan anjing ada muncul dalam peribahasa Iban untuk menyampaikan makna yang bersifat tersirat. Dari segi semantik, kucing dalam "Baka mayau ngelamun tai" menggambarkan makna tersirat tentang usaha menyembunyikan sesuatu yang buruk tetapi akhirnya diketahui juga (Casper Kayong Umping, 2010). Secara pragmatik, peribahasa ini memberi amaran kepada individu agar tidak menyembunyikan kesalahan kerana ia akan terbongkar. Sebaliknya, anjing dalam peribahasa Iban iaitu "Baka ukui nyalak bukit" menunjukkan perbuatan atau tindakan yang sia-sia. Peribahasa ini juga menasihatkan agar tenaga tidak dibazirkan pada usaha yang tidak mendatangkan hasil. Dari sudut ekologi masyarakat Iban, kucing dan anjing mempengaruhi keseimbangan persekitaran rumah panjang Iban. Kucing membantu mengawal populasi tikus, manakala anjing

memberi amaran terhadap ancaman. Dari segi psikologi, kucing memberikan ketenangan kepada pemiliknya melalui sifatnya yang tenang (Hearne, 2007), sementara anjing sering dikaitkan dengan rasa aman dan kesetiaan (Menache, 1998). Kedua-dua haiwan ini mencerminkan keperibadian yang berbeza, yang dipadankan dengan nilai-nilai masyarakat Iban dalam peribahasa mereka. Analisis ini menunjukkan bahawa kucing dan anjing dalam masyarakat Iban bukan sekadar haiwan tetapi juga simbol nilai sosial, budaya, dan moral. Melalui pendekatan semantik semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014), dapat menganalisis peribahasa Iban yang mencerminkan kebijaksanaan tradisional yang relevan dengan kehidupan moden. Perbandingan ini memperlihatkan cara masyarakat Iban menggunakan unsur alam untuk menggambarkan sifat manusia dan menyampaikan pengajaran yang bernilai tinggi.

2. Sorotan Kajian Lepas

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa peribahasa bukan sekadar warisan lisan, tetapi juga refleksi pengalaman hidup, interaksi sosial, serta nilai budaya sesebuah masyarakat (Hassan, 2016; Nornis & Saamah, 2013). Peribahasa berfungsi sebagai wahana penyampaian norma sosial, falsafah hidup, dan sistem kepercayaan yang berkembang dalam sesebuah komuniti. Dalam konteks bahasa Melayu, kajian oleh Jalaluddin (2014) telah memperkenalkan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) sebagai kaedah analisis yang lebih holistik untuk merungkai makna tersirat dalam peribahasa sehingga ke tahap falsafah masyarakat. Pendekatan ini melibatkan tiga peringkat utama: Semantik Skrip (SS) yang menganalisis struktur semantik asas, Semantik Resonans (SR) yang meneliti kaitan kognitif dan emosi, serta Semantik Inkuisitif (SI) yang mengupas makna mendalam dan signifikan dalam konteks budaya serta falsafah komuniti tertentu.

Sebagai tambahan, kajian oleh Nopiah et al. (2018) dan Nopiah et al. (2017) membuktikan keberkesanan pendekatan SI dalam mengkaji unsur perlambangan dalam peribahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa perlambangan haiwan sering digunakan dalam peribahasa untuk menggambarkan sifat manusia, baik dari segi positif mahupun negatif. Rozaimah dan Noriza (2009) turut menekankan bahawa perlambangan haiwan dalam peribahasa Melayu berfungsi sebagai metafora konseptual yang menggambarkan sifat, tingkah laku, dan kebijaksanaan manusia. Namun, meskipun peribahasa Melayu telah banyak dikaji dari aspek perlambangan dan makna tersirat, kajian terhadap peribahasa bahasa sukuan seperti Iban masih terhad, walaupun bahasa ini kaya dengan nilai budaya dan falsafah tersendiri (Jeffrey & Subet, 2018).

Kajian terhadap peribahasa bahasa sukuan amat penting kerana bahasa-bahasa ini sering mencerminkan pandangan dunia masyarakat setempat. Nornis dan Saamah (2013) dalam kajiannya terhadap peribahasa masyarakat minoriti di Malaysia mendapati bahawa unsur alam, khususnya fauna, memainkan peranan penting dalam menggambarkan kebijaksanaan akal budi dan falsafah kehidupan masyarakat tersebut. Unsur alam bukan sekadar simbol semula jadi tetapi juga mewakili nilai etika dan moral yang diwariskan turun-temurun. Dalam konteks masyarakat Iban, peribahasa sering menggunakan perlambangan haiwan seperti “Mayau” (kucing) dan “Ukui” (beruk) yang mempunyai konotasi budaya yang mendalam. Menurut Jeffrey dan Subet, (2018), masyarakat Iban menggunakan mamalia dan reptilia dalam peribahasa mereka untuk menyampaikan nilai moral dan pengajaran berkaitan kehidupan harian, adat, serta hubungan sosial.

Selain itu, kajian terdahulu mengenai pemeliharaan bahasa sukuan dalam era globalisasi turut menunjukkan bahawa peribahasa memainkan peranan penting dalam pemuliharaan bahasa dan budaya minoriti. Kajian Mohd dan Hassan (2012) menekankan bahawa peribahasa bukan sahaja merupakan medium penyampaian nilai budaya, tetapi juga menjadi penanda identiti etnik yang dapat memperkukuh jati diri masyarakat dalam menghadapi arus modenisasi. Kajian Daud (2018a; 2018b; 2018c) pula menyatakan bahawa pendekatan pragmatik dalam kajian peribahasa membantu memahami bagaimana simbol dan perlambangan dalam peribahasa diinterpretasikan dalam interaksi sosial serta pembentukan naratif budaya sesebuah masyarakat. Walaupun pendekatan Semantik Resonans (SR) telah digunakan secara meluas dalam analisis makna peribahasa, pendekatan SI menawarkan kelebihan dalam meneroka dimensi falsafah yang lebih mendalam. Kajian ini bertujuan untuk memanfaatkan SI sebagai kerangka analisis dalam memahami makna simbolik “Mayau” dan “Ukui” dalam Sempama Jaku Iban, serta bagaimana kedua-dua perlambangan ini mencerminkan falsafah masyarakat Iban dalam konteks sosial, moral, dan adat resam mereka. Dengan mengisi jurang dalam kajian terdahulu, penyelidikan ini dapat memberikan perspektif baharu terhadap pemahaman peribahasa bahasa sukuan serta menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan dokumentasi warisan linguistik masyarakat Iban dalam landskap sosiobudaya Malaysia.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menerapkan kaedah semantik inkuisitif (SI) sebagai kerangka analisis utama. Kaedah ini dipilih kerana kemampuannya untuk merungkai makna peribahasa secara mendalam melalui tiga peringkat utama, iaitu Semantik Skrip (SS), Semantik Resonans (SR), dan Semantik Inkuisitif (SI) (Jalaluddin, 2014). Kajian seperti ini telah banyak dijalankan oleh pengkaji lepas (Daud, 2017, 2020; Murthy et al. 2019a, 2019b, 2019c; Daud & Subet, 2022; Daud et al., 2021) dalam pelbagai aspek untuk

menganalisis peribahasa. Kajian ini bersifat deskriptif-analitis, yang bertujuan menghuraikan serta menganalisis perlambangan fauna dalam peribahasa Iban secara sistematik. Reka bentuk kajian ini membolehkan analisis dibuat bukan sahaja dari sudut linguistik, tetapi juga dari aspek kognitif dan falsafah yang terkandung dalam Sempama Jaku Iban (Umping, 2010).

Data utama bagi kajian ini diperoleh daripada buku "Sempama Jaku Iban" (Umping, 2010), yang mengandungi koleksi peribahasa Iban yang autentik dan masih digunakan dalam kalangan masyarakat. Selain itu, data dipilih melalui persampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan hanya peribahasa yang mengandungi perlambangan fauna "Mayau" (kucing) dan "Ukui" (anjing) dianalisis (Jeffrey & Subet, 2018). Pemilihan ini dibuat berdasarkan kesesuaian dengan objektif kajian, iaitu meneliti makna dan falsafah yang terkandung dalam simbolisme haiwan tersebut.

Selain sumber teks, temu bual separa berstruktur dijalankan dengan seorang penutur asli yang aktif dalam pemeliharaan bahasa dan seorang ahli akademik dalam bidang linguistik (Nornis & Saamah, 2013). Pemilihan dua informan ini bertujuan untuk mendapatkan perspektif yang holistik mengenai makna dan penggunaan peribahasa Iban dalam konteks tradisional serta akademik. Penutur asli memberikan gambaran tentang penggunaan sebenar peribahasa dalam komunikasi harian masyarakat Iban, manakala ahli akademik membantu menjelaskan aspek linguistik, semantik, dan konteks budaya yang terkandung dalam perlambangan "Mayau" dan "Ukui".

Proses pengumpulan data dilakukan dalam tiga fasa utama. Fasa pertama ialah pemilihan dan penapisan data, di mana hanya sempama yang mengandungi unsur fauna "Mayau" dan "Ukui" dipilih daripada sumber primer. Sempama ini kemudian dikategorikan mengikut aspek semantik untuk memastikan analisis yang lebih sistematik. Fasa kedua ialah temu bual dengan informan, yang membolehkan data peribahasa ini dianalisis berdasarkan pengalaman hidup masyarakat Iban. Soalan temu bual memberi tumpuan kepada aspek seperti konteks penggunaan peribahasa, makna literal dan figuratif, serta nilai moral yang terkandung dalam setiap perlambangan haiwan (Junaini et al., 2016). Fasa ketiga ialah analisis data, yang dilakukan mengikut tiga peringkat dalam kaedah Semantik Inkuisitif (SI) (Nopiah et al., 2017).

Pada peringkat Semantik Skrip (SS), kajian meneliti makna literal setiap sempama yang dipilih, termasuk struktur sintaksis dan leksikal yang membentuk peribahasa tersebut. Ini bertujuan untuk mengenal pasti unsur permukaan sebelum analisis mendalam dilakukan. Seterusnya, peringkat Semantik Resonans (SR) membolehkan pengkaji meneliti makna kognitif dan emosi yang dikaitkan dengan perlambangan fauna dalam peribahasa Iban. Melalui peringkat ini, pengalaman hidup masyarakat yang berkaitan dengan simbolisme haiwan dalam peribahasa dikaji, termasuk peranan kucing dan anjing dalam budaya mereka (Hassan, 2016). Akhirnya, pada peringkat Semantik Inkuisitif (SI), kajian ini merungkai makna falsafah yang lebih mendalam dengan meneliti bagaimana simbol "Mayau" dan "Ukui" mencerminkan nilai moral, kepercayaan, serta struktur sosial masyarakat Iban.

Pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dipilih kerana ia membolehkan analisis dibuat secara lebih mendalam dan holistik terhadap makna perlambangan dalam peribahasa. Pendekatan ini bukan sahaja memberi fokus kepada makna literal dan kognitif tetapi juga menghubungkan peribahasa dengan aspek falsafah dan nilai budaya masyarakat Iban. Justeru, kajian ini bukan sekadar meneliti peribahasa sebagai satu bentuk ekspresi bahasa, tetapi juga sebagai medium penyampaian kebijaksanaan kolektif masyarakat yang diwarisi turun-temurun. Dengan menggabungkan analisis teks dan temu bual, serta pemilihan data melalui persampelan bertujuan, kajian ini dapat memberikan perspektif baharu terhadap simbolisme dalam peribahasa Iban, sekali gus menyumbang kepada usaha pemeliharaan warisan budaya dan linguistik masyarakat Iban dalam arus globalisasi.

4. Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1 telah menunjukkan data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan haiwan (mamalia). Namun begitu, sebagai batasan kajian pengkaji akan menganalisis satu data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan kucing/mayau dan satu data peribahasa masyarakat Iban yang menggunakan imej perlambangan anjing/ukui. Pengkaji telah warnakan data yang akan dianalisis. Analisis data akan melibatkan tiga peringkat, iaitu: Analisis pertama (semantik skrip/SS), analisis kedua (semantik rasonans/SR) dan analisis ketiga (analisis semantik inkuisitif/SI).

Jadual 1 Contoh imej perlambangan haiwan (mamalia) dalam peribahasa Iban

Bil.	Peribahasa	Makna	Imej Haiwan	Kumpulan Haiwan
1.	<i>Kapal pechah ikan iyu kenyang</i> Terjemahan gramatis: Kapal pecah ikan iyu kenyang.	Peristiwa di mana sesebuah keluarga mengalami perbalahan dan orang lain mengambil kesempatan untuk mendapat keuntungan	Ikan yu	Mamalia (Hidupan Lautan)

Bil.	Peribahasa	Makna	Imej Haiwan	Kumpulan Haiwan
2.	<i>Baka mayau ngelamun tai.</i> Terjemahan gramatis: Seperti kucing menimbus najis.	Seseorang yang cuba untuk menyembunyikan kesalahannya.	Kucing	Mamalia (Hidupan Daratan)
3.	<i>Amat tupai pandai merejuk bisi maya iya labuh.</i> Terjemahan gramatis: Memang tupai pandai melompat ada masa ia akan jatuh.	Sepandai-pandai apapun seseorang menyembunyikan atau melakukan kejahatan, akhirnya ia akan mendapat balasan yang setimpal	Tupai	Mamalia (Hidupan Daratan)
4.	<i>Baka ukui nyalak bukit.</i> Terjemahan gramatis: Seperti anjing menyalak bukit.	Melakukan perbuatan yang hanya sia-sia	Anjing	Mamalia (Hidupan Daratan)
5.	<i>Bengal jugam.</i> Terjemahan gramatis: Beruang yang pekak	Seseorang yang kurang baik pendengarannya	Beruang	Mamalia (Hidupan Daratan)
6.	<i>Manchal baka kera.</i> Terjemahan gramatis: Nakal seperti kera.	Budak-budak atau anak yang terlalu nakal dan tidak mendengar kata dan akan melawan apabila dinasihati	Kera	Mamalia (Hidupan Daratan)
7.	<i>Nganggap kijang dalam babas.</i> Terjemahan gramatis: Menganggap kijang di dalam hutan.	Seseorang yang hanya membayangkan dan menganggap serta menyatakan bahawa haiwan yang diburu ada di hutan akan tetapi tidak pernah berusaha untuk memburunya	Kijang	Mamalia (Hidupan Daratan)
8.	<i>Baka empelau gaukka buah sibau dara.</i> Terjemahan gramatis: Seperti ungka yang beria-ia melihat buah rambutan yang belum masak.	Perbuatan mengurut yang keterlaluan untuk mendapatkan perhatian gadis	Ungka	Mamalia (Hidupan Daratan)

4.1 Analisis Data “Baka Mayau Ngelamun Tai”

Data Sempama Jaku Iban ‘Baka mayau ngelamun tai’


Peribahasa	Makna	Imej haiwan	Kumpulan haiwan
<i>Baka mayau ngelamun tai</i>	Seseorang yang cuba untuk menyembunyikan kesalahannya	Kucing	Mamalia

4.1.1 Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis pada tahap ini akan menjelaskan makna harfiah *sempama jaku Iban* 'baka mayau ngelamun tai'. *Mayau* didefinisikan sebagai haiwan peliharaan yang sama spesies dengan harimau dan bersaiz lebih kecil (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). Dalam bahasa Melayu, *mayau* membawa makna yang sama dengan kucing. *Ngelamun* merupakan kata yang menerima imbuhan nge- dan kata akar bagi *ngelamun* ialah *lamun*. *Lamun* merupakan kata kerja yang menerangkan sifat tidak menunjukkan, menyembunyikan, menutupi dan melindungi (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). *Tai* pula mempunyai makna yang sama dengan najis dalam bahasa Melayu. *Tai* ialah sisa-sisa makanan yang telah diproses di dalam perut manusia atau haiwan yang tidak diperlukan oleh tubuh badan dan dikeluarkan atau diproses keluar. Maka, jika *sempama jaku Iban* ini dilihat dari segi SS nya, makna ini belum memadai untuk menyatakan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur.

4.1.2 Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Pada tahap ini, pengkaji akan merungkai dan mencungkil maklumat kognitif dan falsafah masyarakat Iban dan mengaitkannya dengan *sempam jaku Iban* 'baka mayau ngelamun tai'. Jika diterjemahkan secara literal, 'baka mayau ngelamun tai' membawa maksud 'seperti kucing yang menimbus najis'. Kucing merupakan haiwan peliharaan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan manus termasuk masyarakat Iban. Menurut Harini Nurcahya (2012), kucing merupakan haiwan peliharaan yang mempunyai pelbagai variasi termasuk warna bulu, kepanjangan ekor dan juga kepanjangan bulu. Tambahnya, kucing mempunyai daya Tarik yang tersendiri dalam menarik perhatian manusia untuk emmeliharanya. Pada zaman dahulu, kucing dipelihara kerana ia begitu penting untuk dijadikan pemburu yang menangkap tikus yang sering memakan padi di dalam guni dan menjadi perosak. Kucing mempunyai kuku yang tajam yang digunakan untuk memburu.



Rajah 1 Gambaran proses kognitif *sempama jaku Iban* "Baka mayau ngelamun tai"

(Sumber: diadaptasi dari Nopiah et al., 2017)

Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan beberapa proses kognitif yang memotivasikan penciptaan *sempama jaku Iban* 'baka mayau ngelamun tai'. *Sempama jaku Iban* ini secara jelas dimotivasikan oleh sifat kucing yang menimbus najis setelah membuang air besar. Sifat ini dianalogikan oleh masyarakat Iban sebagai sikap seseorang yang cuba untuk menyembunyikan perbuatan atau kesalahannya dari pengetahuan orang lain. Sifat najis kucing yang kotor dan berbau busuk pula direfleksikan sebagai kesalahan atau kesalahan yang memalukan yang cuba disembunyikan oleh seseorang tersebut.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan *sempama jaku Iban* ini yang berkonsepkan 'sifat cuba menyembunyikan kesalahan agar tidak

diketahui oleh orang lain akan tetapi akhirnya diketahui juga'. Berikut merupakan contoh data korpus bagi *sempama jaku Iban* 'baka mayau ngelamun tai':

- Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Anang deka napukka penyai diri de buat lama laun ditemu orang meh de ke butang enggau bini bakih aku. Anang ***baka mayau ke ngelamun tai diri*** empu, dini nya alah dipelalaika iya tai mayau endang amat bebau. Ka iya dtumbakka dalam-dalam ke dalam tanah agi mega bedau bebau baka nya.

Sumber: (Casper, SEMPAMA JAKU IBAN, SIWA, 2010)

- Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Jangan kamu cuba untuk menyembunyikan kecurangan yang kamu lakukan bersama dengan isteri kawan saya. Jangan seperti ***seperti kucing menimbus najis***, mana mungkin ia dapat disembunyikan kerana ia sangat berbau. Meskipun ia ditimbus ke dalam tanah, ia masih mengeluarkan bau.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, frasa "jangan cuba menyembunyikan kecurangan" menggambarkan satu bentuk pelanggaran etika dan moral, khususnya dalam konteks hubungan peribadi. Kecurangan bukan sahaja merujuk kepada ketidaksetiaan dalam hubungan suami isteri, tetapi juga mencerminkan sikap hipokrisi dan ketidaktulusan dalam interaksi sosial yang lebih luas. Frasa ini telah dirujuk silang dengan *sempama jaku Iban* "baka mayau ngelamun tai", yang membawa maksud bahawa setiap kesalahan yang dilakukan lambat laun akan terbongkar juga. Dalam konteks pragmatik, penggunaan metafora ini memberi gambaran bahawa usaha untuk menutup kesalahan adalah sia-sia kerana hakikatnya kesalahan tersebut akan tetap diketahui oleh pihak lain. Frasa "mana mungkin ia dapat disembunyikan" berfungsi sebagai penegasan terhadap konsep ketidaksempurnaan dalam penyembunyian kesalahan, menunjukkan bahawa tiada kesalahan yang benar-benar dapat dirahsiakan dalam jangka masa panjang. Hal ini diperkuatkan lagi dengan metafora dalam ayat "meskipun ia ditimbus ke dalam tanah, ia masih mengeluarkan bau", yang membawa implikasi bahawa kesalahan yang dilakukan tetap akan meninggalkan kesan yang jelas kepada persekitaran dan orang di sekelilingnya. Namun demikian, persoalan mengapa kesalahan disamakan dengan najis kucing masih belum terjawab. Oleh itu, pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) diterapkan bagi memahami latar budaya dan kepercayaan masyarakat Iban yang membentuk metafora ini.

4.1.3 Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Dalam kehidupan masyarakat Iban, pertanian padi merupakan aktiviti ekonomi utama sejak zaman dahulu. Hasil tuaian padi yang telah dikeringkan akan disimpan dalam guni di sadau, iaitu ruang penyimpanan di loteng rumah panjang yang berdekatan dengan bumbung. Namun, penyimpanan ini sering menjadi sasaran haiwan perosak seperti tikus, tupai, dan serangga yang boleh merosakkan stok makanan. Bagi mengatasi masalah ini, kucing dipelihara sebagai pemburu tikus dan haiwan perosak lain. Peranan kucing dalam konteks ini sangat penting kerana ia membantu memastikan kesejahteraan ekonomi dan kelangsungan hidup masyarakat. Namun begitu, meskipun kucing mempunyai fungsi yang bermanfaat, ia juga mempunyai sifat semula jadi yang boleh menimbulkan ketidakselesaan, iaitu tabiatnya menimbus najis setelah membuang air besar.

Dalam masyarakat Iban, sifat kucing yang menimbus najis ini dianalogikan sebagai perlakuan seseorang yang cuba menyembunyikan kesalahannya. Namun, seperti yang dinyatakan dalam *sempama* ini, najis kucing tetap mengeluarkan bau busuk meskipun telah ditimbus, yang bermaksud bahawa sebarang kesalahan yang dilakukan tetap akan dapat dikesan lambat laun. Dari sudut pragmatik, metafora ini bukan sahaja menekankan konsep ketidakjujuran, tetapi juga menampilkan kesan negatif yang bakal menimpa individu yang cuba menyembunyikan kesalahan. Dalam perspektif masyarakat Iban, kejujuran adalah nilai yang sangat dititikberatkan, dan seseorang yang berbohong atau menipu akan dianggap sebagai individu yang tidak boleh dipercayai.

Perlambangan bau busuk najis kucing dalam konteks *sempama* ini mencerminkan kesan psikologi dan sosial pembohongan. Individu yang tidak jujur bukan sahaja akan kehilangan kepercayaan orang lain, tetapi juga akan meninggalkan kesan buruk yang mendalam dalam masyarakat. Dalam sistem sosial masyarakat Iban, sesiapa yang menipu atau cuba menyembunyikan kesalahan pada zaman dahulu akan dihukum secara terbuka di hadapan khalayak ramai. Berdasarkan temu bual, hukuman ini boleh berupa sindiran dan ejekan, yang menjadikan pesalah sebagai bahan celaan dalam perbualan masyarakat. Dalam kes yang lebih serius, individu yang melakukan kesalahan boleh dikenakan hukuman adat seperti denda atau larangan sosial tertentu. Namun, hukuman yang paling berat adalah kehilangan maruah, kerana individu yang tidak jujur akan dipandang rendah dan dijauhi oleh masyarakat.

Jelaslah bahawa dalam masyarakat Iban, kejujuran bukan sekadar nilai moral, tetapi juga merupakan elemen penting dalam kesejahteraan sosial. Oleh itu, *sempama jaku Iban* ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi budaya, tetapi juga sebagai mekanisme kawalan sosial yang mengingatkan masyarakat tentang implikasi negatif ketidakjujuran. Analisis ini menunjukkan bahawa *sempama jaku Iban* "baka mayau ngelamun tai" mengandungi makna semantik, pragmatik, dan falsafah budaya yang mendalam. Kucing dipilih sebagai

perlambangan dalam sempama ini kerana sifatnya yang menimbus najis tetapi tetap meninggalkan bau busuk, yang secara metafora menggambarkan hakikat bahawa kesalahan yang cuba disembunyikan akan tetap terbongkar akhirnya.

Selain itu, sempama ini juga mencerminkan falsafah hidup masyarakat Iban yang mementingkan ketelusan, integriti, dan kejujuran dalam hubungan sosial. Kesalahan yang dilakukan bukan sahaja mencerminkan kelemahan peribadi individu, tetapi juga memberi kesan terhadap keharmonian masyarakat. Konsep ini berkait rapat dengan norma sosial dalam masyarakat tradisional Iban, di mana pembohongan dan penipuan dianggap sebagai perbuatan yang hina dan keji. Hukuman sosial seperti ejekan, sindiran, dan kehilangan maruah berfungsi sebagai bentuk kawalan sosial bagi memastikan masyarakat tidak mengamalkan sikap hipokrisi dan kepura-puraan (Ritos & Daud, 2020).

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang linguistik dan pragmatik, khususnya dalam menganalisis peranan metafora budaya dalam membentuk konsep moral masyarakat. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan hubungan antara bahasa, budaya, dan norma sosial dalam masyarakat Iban serta menyediakan kerangka analisis bagi kajian linguistik peribahasa dalam komuniti etnik lain. Implikasi kajian ini membuka ruang bagi penyelidikan lanjutan tentang penggunaan sempama jaku Iban dalam konteks komunikasi moden, termasuk penggunaannya dalam media sosial dan wacana politik dalam masyarakat Iban hari ini.

4.2 Analisis Data “Baka Ukui Nyalak Bukit”

Data Sempama Jaku Iban ‘Baka ukui nyalak bukit’

Peribahasa	Makna	Imej haiwan	Kumpulan haiwan
<i>Baka ukui nyalak bukit</i>	Melakukan perbuatan yang hanya sia-sia	Anjing	Mamalia

4.2.1 Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Dalam peringkat pertama analisis, iaitu Semantik Skrip (SS), pengkaji meneliti makna harfiah sempama jaku Iban baka ukui nyalak bukit. Dalam bahasa Melayu, ukui merujuk kepada anjing, seperti yang dinyatakan dalam Bup Sereba Reti Jaku Iban (2011), yang mendefinisikan ukui sebagai sejenis haiwan yang boleh menyalak. Perkataan nyalak merupakan kata kerja yang menerima imbuhan ny-, dengan kata akar salak, yang membawa makna bunyi suara yang nyaring dan tajam yang dikeluarkan oleh anjing (Bup Sereba Reti Jaku Iban, 2011). Sementara itu, bukit merujuk kepada kawasan tanah tinggi yang tidak mencapai ketinggian 1000 kaki serta bukan dalam kategori gunung.

Berdasarkan analisis skrip ini, secara literal sempama jaku Iban baka ukui nyalak bukit dapat diterjemahkan sebagai seperti anjing menyalak bukit. Jika diteliti dari segi makna dasar, ungkapan ini menggambarkan suatu perbuatan yang tidak mendatangkan hasil atau manfaat. Namun, analisis pada tahap ini masih belum merungkai makna yang lebih mendalam yang ingin disampaikan oleh masyarakat Iban melalui peribahasa ini. Oleh itu, peringkat seterusnya, iaitu analisis Semantik Resonans (SR), perlu dilakukan bagi memahami makna kognitif yang terkandung dalam ungkapan ini.


4.2.2 Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis Semantik Resonans (SR) bertujuan untuk meneliti bagaimana unsur kognitif, pengalaman hidup, dan budaya masyarakat Iban berperan dalam pembentukan makna peribahasa ini. Jika diterjemahkan secara langsung ke dalam bahasa Melayu, baka ukui nyalak bukit bermaksud seperti anjing menyalak bukit. Dalam konteks kehidupan masyarakat Iban, anjing merupakan haiwan yang dipelihara untuk pelbagai tujuan, termasuk sebagai peneman, penjaga rumah, dan pembantu dalam aktiviti memburu. Menurut Budiana (2007), anjing sering dipelihara oleh manusia kerana ia memiliki deria bau, penglihatan, dan pendengaran yang sangat sensitif serta bersifat setia terhadap pemiliknya.

Masyarakat Iban pada zaman dahulu sangat bergantung kepada alam sekitar, khususnya hutan dan kawasan berbukit, kerana belum berlaku proses pemodenan secara meluas. Dalam kehidupan harian mereka, anjing sering dijadikan peneman ketika berburu atau melakukan aktiviti luar. Disebabkan deria penglihatan dan pendengaran yang tajam, anjing akan menyalak apabila mengesan sesuatu yang luar biasa, sama ada melalui bau, bunyi, atau pergerakan. Salakan anjing berfungsi sebagai bentuk komunikasi dan amaran kepada manusia atau haiwan lain di sekitarnya.

Namun, dalam konteks peribahasa ini, anjing yang menyalak bukit digambarkan sebagai satu tindakan yang sia-sia. Hal ini kerana bukit merupakan elemen geografi yang statik dan tidak akan berubah kedudukannya walau sekuat mana pun anjing menyalak. Tindakan anjing menyalak bukit ini dianalogikan oleh masyarakat Iban sebagai perlambangan bagi seseorang yang melakukan perbuatan yang tidak mendatangkan manfaat. Dalam masyarakat

Iban, sebarang tindakan yang tidak berasaskan perancangan yang baik atau tidak mempunyai matlamat yang jelas sering dikategorikan sebagai tidak produktif, justeru perbuatan tersebut dibandingkan dengan salakan anjing yang tidak membawa sebarang impak kepada bukit.



Rajah 2 Gambaran proses kognitif sempama jaku Iban “Baka ukui nyalak bukit”

(Sumber: diadaptasi dari Nopiah et al., 2017)

Rajah 2 memperlihatkan bagaimana proses kognitif dalam masyarakat Iban membentuk pemahaman terhadap peribahasa ini. Secara linguistik, peribahasa ini dimotivasikan oleh pemerhatian terhadap sifat anjing yang sering menyalak untuk menarik perhatian manusia. Namun, terdapat situasi di mana salakan tersebut tidak membawa sebarang manfaat, contohnya apabila anjing menyalak sesuatu yang lebih besar daripadanya seperti bukit. Anjing mungkin menyalak bukit kerana melihatnya sebagai sesuatu yang mengancam atau sebagai refleks tindak balas, tetapi salakan itu tidak akan mengubah apa-apa. Bukit pula melambangkan sesuatu yang kekal, stabil, dan tidak terkesan oleh tindakan anjing tersebut. Oleh itu, masyarakat Iban menggunakan analogi ini untuk menggambarkan sesuatu usaha yang tidak membawa hasil atau seseorang yang melakukan sesuatu secara sia-sia.

Pembuktian linguistik yang ditemui melalui data korpus turut memperlihatkan serta menyerlahkan penggunaan *sempama jaku Iban* ‘baka ukui nyalak bukit’ yang berkonsepkan ‘perbuatan yang dilakukan secara sia-sia tidak akan memberikan faedah’. Berikut merupakan contoh data korpus bagi *sempama jaku Iban* ‘baka ukui nyalak bukit’:

- Penggunaan *sempama jaku Iban* dalam ayat bahasa Iban:

Tak nadai guna sekali-kali akih nya ke ngaga langkau laban ke enda disukung iya, dia deh langkau ke digaga nyau tumbang enda bepadahka nyawa. Enda ga iya rugi *****baka ukui ke nyalak bukit.*****

Sumber: (Casper, SEMPAMA JAKU IBAN, SIWA, 2010)

- Terjemahan dalam bahasa Melayu:

Sia-sia sahaja dia membina pondok tersebut apabila ia roboh kerana tidak disokong olehnya. Kerja yang dilakukan oleh dia merugikan dirinya sendiri *****seperti anjing menyalak bukit.*****

Berdasarkan contoh ini, frasa tak nadai guna sekali-kali akih nya ke ngaga langkau laban ke enda disukung iya membawa maksud bahawa perbuatan membina pondok tanpa sokongan adalah sia-sia kerana akhirnya pondok tersebut akan roboh. Frasa ini dirujuk silang dengan peribahasa baka ukui nyalak bukit, yang mengukuhkan lagi konsep ketidakseimbangan usaha dan hasil dalam sesuatu tindakan. Ayat ini juga memperlihatkan bahawa niat asal individu tersebut adalah baik (membina pondok), namun disebabkan kekurangan perancangan dan persediaan, usaha tersebut menjadi sia-sia. Ini memperlihatkan bahawa

masyarakat Iban menilai usaha bukan sekadar berdasarkan niat, tetapi juga keberkesanan dan hasilnya. Persoalan yang timbul daripada analisis ini ialah mengapa anjing yang menyalak dibandingkan dengan perbuatan sia-sia? Apakah pertimbangan budaya dan falsafah yang melatari pemilihan anjing sebagai metafora dalam sempama jaku Iban ini? Untuk menjawab persoalan ini, analisis Semantik Inkuisitif (SI) perlu dilakukan bagi memahami bagaimana falsafah masyarakat Iban membentuk pemaknaan terhadap peribahasa ini.

4.2.3 Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Analisis semantik inkuisitif bagi sempama jaku Iban baka ukui nyalak bukit bertujuan untuk meneroka rasional pemilihan anjing sebagai metafora serta mengaitkan makna yang tersirat dalam konteks akal budi masyarakat Iban. Ungkapan ini bukan sekadar satu ekspresi retorik dalam bahasa, tetapi turut mencerminkan nilai budaya dan norma sosial yang mendasarinya. Dalam sistem budaya masyarakat Iban, anjing bukan hanya dianggap sebagai haiwan peliharaan tetapi juga memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam aktiviti pemburuan. Keupayaan anjing yang memiliki deria bau yang tajam, kepekaan terhadap bunyi dan pergerakan, serta sifat kesetiaan terhadap pemiliknya menjadikannya sebagai haiwan yang bernilai tinggi dalam komuniti ini. Kehadiran anjing dalam kehidupan masyarakat Iban bukan sahaja memberikan nilai praktikal, tetapi juga dimanfaatkan sebagai perlambangan dalam bahasa, khususnya dalam pembentukan sempama jaku yang mengandungi unsur didaktik.

Sempama jaku baka ukui nyalak bukit secara literal menggambarkan situasi di mana seekor anjing menyalak ke arah bukit. Namun, dari sudut konotatif, ungkapan ini membawa makna yang lebih mendalam tentang perbuatan yang sia-sia. Secara denotatif, ia merujuk kepada tindakan anjing yang menyalak tanpa tujuan yang jelas ke arah sesuatu yang tidak akan memberi sebarang respons, iaitu bukit yang merupakan entiti statik dan tidak mempunyai reaksi terhadap bunyi yang dihasilkan. Dari segi konotatif pula, ungkapan ini melambangkan perbuatan seseorang yang melakukan sesuatu yang tidak memberikan hasil atau manfaat. Dalam budaya Iban, metafora ini mengajarkan nilai pragmatisme, iaitu setiap tindakan harus mempunyai tujuan yang jelas dan membawa faedah, bukannya membazirkan tenaga dan masa pada perkara yang tidak produktif.

Kajian lapangan bersama informan mendapati bahawa masyarakat Iban sangat menekankan nilai pengurusan masa dan keberhasilan tindakan. Perbuatan yang tidak membawa manfaat dianggap sebagai satu pembaziran sumber, baik dari segi tenaga, masa, mahupun peluang. Informan turut mengaitkan konsep yang terkandung dalam sempama jaku ini dengan kehidupan manusia, khususnya dalam konteks pendidikan dan pembangunan diri. Misalnya, seorang pelajar yang belajar tanpa matlamat yang jelas dan tidak bersungguh-sungguh hanya akan mengakibatkan dirinya tidak memperoleh faedah daripada proses pembelajaran tersebut. Begitu juga dalam dunia pekerjaan, individu yang melakukan sesuatu tanpa perancangan berisiko membuang masa dan tenaga tanpa memperoleh hasil yang diharapkan. Justeru, mesej utama yang terkandung dalam ungkapan ini ialah keperluan untuk bertindak secara bijaksana dengan matlamat yang jelas agar segala usaha yang dilakukan tidak berakhir dengan kekecewaan.

Dari perspektif pragmatik, sempama jaku ini bukan sekadar satu bentuk ekspresi bahasa, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme komunikasi yang menyampaikan nasihat dan teguran secara tidak langsung. Penggunaannya dalam interaksi sosial bertujuan untuk memberi peringatan kepada individu agar lebih berhati-hati dalam bertindak dan tidak membazirkan sumber pada perkara yang tidak mendatangkan faedah. Imej anjing dalam ungkapan ini juga memperlihatkan dualiti makna dalam budaya Iban, iaitu sebagai pembantu manusia yang setia dalam situasi tertentu tetapi dalam keadaan lain boleh menjadi simbol tindakan yang tidak produktif apabila tindakannya tidak membawa hasil yang diinginkan. Fenomena ini juga boleh dibandingkan dengan peribahasa dalam bahasa Melayu seperti anjing menyalak di ekor gajah yang melambangkan perbuatan yang tidak memberi kesan kepada pihak yang lebih besar dan berkuasa serta menang sorak, kampung tergadai yang menggambarkan keadaan di mana seseorang lebih mengutamakan perkara yang tidak berfaedah sehingga menyebabkan kerugian yang besar. Perbandingan ini menunjukkan bahawa konsep yang terkandung dalam sempama jaku Iban ini bersifat universal dan boleh ditemui dalam pelbagai budaya lain.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa sempama jaku baka ukui nyalak bukit bukan sekadar satu ungkapan retorik dalam bahasa Iban, tetapi mencerminkan falsafah hidup masyarakatnya. Ungkapan ini membawa nilai pragmatisme yang menggalakkan individu untuk bertindak berdasarkan matlamat yang jelas, mengurus sumber dengan bijak, serta menghindari tindakan sia-sia yang boleh merugikan diri sendiri dan orang lain. Dari sudut linguistik, analisis semantik dan pragmatik yang dilakukan terhadap ungkapan ini membuktikan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi turut menjadi medium penyampaian nilai budaya dan pemikiran kolektif sesuatu masyarakat. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam bidang linguistik antropologi serta kajian bahasa dan budaya di Malaysia, khususnya dalam memahami makna yang tersembunyi dalam peribahasa dan ungkapan tradisional.

5. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa "Baka mayau ngelamun tai" dan "Baka ukui nyalak bukit" mencerminkan nilai sosial masyarakat Iban melalui perlambangan mamalia. Sifat kucing yang menimbus najis menggambarkan usaha sia-sia menyembunyikan kesalahan, manakala sifat anjing yang menyalak bukit mencerminkan tindakan yang tidak berfaedah. Pendekatan SI berjaya merungkai makna tersirat dan falsafah yang mendasari peribahasa ini. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam terhadap peribahasa Iban serta memperluas penggunaan SI dalam kajian linguistik, khususnya bahasa sukuan. Penemuan ini juga mengukuhkan kepentingan melestarikan warisan budaya melalui kajian linguistik. Dengan meneroka dimensi kognitif dan budaya, kajian ini tidak hanya mengisi kelompongan dalam kajian linguistik tetapi juga mempromosikan pemahaman tentang cara masyarakat Iban menggunakan bahasa sebagai alat untuk menyampaikan nilai dan falsafah. Kajian masa depan boleh memperluaskan skop ini dengan meneliti peribahasa lain dalam konteks budaya sukuan yang lebih luas, sekali gus menyumbang kepada usaha pemeliharaan bahasa dan budaya tempatan. Penemuan ini menegaskan pentingnya pendekatan multidisiplin dalam memahami kekayaan budaya dan warisan masyarakat minoriti. Kajian seterusnya disarankan untuk melibatkan lebih banyak data peribahasa Iban serta memperluas penerapan pendekatan SI kepada bahasa sukuan lain di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha ilmiah dalam memperkaya khazanah keilmuan dalam bidang ini. Segala pandangan dan dapatan yang dikemukakan adalah hasil penyelidikan yang dijalankan secara bebas tanpa pembiayaan daripada mana-mana institusi atau pihak tertentu.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berhubung dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Para penulis mengesahkan sumbangan mereka dalam kajian ini seperti berikut: **perancangan dan reka bentuk kajian:** Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud; **pengumpulan data:** Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet; **analisis dan tafsiran dapatan:** Rynna Sha'erra Mindew Douglas, Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud; **penyediaan draf manuskrip:** Mary Fatimah Subet, Muhammad Zaid Daud. Semua penulis telah meneliti dapatan kajian dan meluluskan versi akhir manuskrip ini.

Rujukan

- Bradshaw, J. W. (2012). *The behaviour of the domestic cat*. Cabi.
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga Kedai Kopi: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. [Unpublished FYP Dissertation]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2).
- Daud, M. Z. (2018c). Imej tumbuhan dalam slang: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1-21.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu Analisis Semantik Inkuisitif*. [Unpublished Master Dissertation]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 179-253.
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di ampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105.
- Daud, M. Z., Abd Wahid, M. S. N., & Gedat, R. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(1), 27-40.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24-44.

- Douglas, R. S. E. M., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2023). Jelmaan reptilia dalam akal budi masyarakat Iban: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 6(2), 1-19.
- Douglas, R. S. M., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2024). Akal budi dalam sempama jaku iban (peribahasa) berimejkan mamalia berdasarkan perspektif semantik Inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra Dan Budaya*, 3(1), 95-117.
- Elton, C. S. (1953). The use of cats in farm rat control. *The British Journal of Animal Behaviour*, 1(4), 151-155.
- Ferreira, J. P., Leitão, I., Santos-Reis, M., & Revilla, E. (2011). Human-related factors regulate the spatial ecology of domestic cats in sensitive areas for conservation. *PLoS One*, 6(10), e25970.
- Goodyear, N. C. (1992). Spatial overlap and dietary selection of native rice rats and exotic black rats. *Journal of Mammalogy*, 73(1), 186-200.
- Hassan, H. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1), 94-119.
- Hearne, V. (2007). *Animal Happiness: Moving Exploration of Animals and their Emotions-from Cats and Dogs to Orangutans and Turtles*. Simon and Schuster.
- Jacobs, J. A., Coe, J. B., Pearl, D. L., Widowski, T. M., & Niel, L. (2018). Factors associated with canine resource guarding behaviour in the presence of dogs: A cross-sectional survey of dog owners. *Preventive veterinary medicine*, 161, 134-142.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit UKM.
- Jaroš, F. (2021). The cohabitation of humans and urban cats in the Anthropocene: The clash of welfare concepts. *Animals*, 11(3), 705.
- Jeffrey, R. D. A., & Subet, M. F. (2018). Unsur alam dalam Peribahasa Iban (Jaku'Sempama): Satu analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f10-15.
- Kania-Gierdziewicz, J., & Mroszczyk, B. (2017). Use and breeding of livestock guarding dogs in the Subcarpathian area. *Wiad Zootech*, 2, 129-138.
- Koster, J. (2009). Hunting dogs in the lowland Neotropics. *Journal of Anthropological Research*, 65(4), 575-610.
- Krauze-Gryz, D., Gryz, J. B., Goszczyński, J., Chylarecki, P., & Zmihorski, M. (2012). The good, the bad, and the ugly: space use and intraguild interactions among three opportunistic predators—cat (*Felis catus*), dog (*Canis lupus familiaris*), and red fox (*Vulpes vulpes*)—under human pressure. *Canadian Journal of Zoology*, 90(12), 1402-1413.
- Kwong, M. J., & Bartholomew, K. (2011). "Not just a dog": An attachment perspective on relationships with assistance dogs. *Attachment & human development*, 13(5), 421-436.
- Lemish, M. G. (2022). *War dogs: A history of loyalty and heroism*. U of Nebraska Press.
- Lupo, K. D. (2017). When and where do dogs improve hunting productivity? The empirical record and some implications for early Upper Paleolithic prey acquisition. *Journal of Anthropological Archaeology*, 47, 139-151.
- Menache, S. (1998). Dogs and human beings: A story of friendship. *Society & Animals*, 6(1), 67-86.
- Mohd, A., & Hassan, A. (2012). *Kuasai dunia dengan berfikir*. PTS Media Group Sdn Bhd.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1).
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Peribahasa Tamil Berimej Lada Hitam Sebagai Tradisi Lisan: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 7(2), 70-88.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66-88.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi*, 34(1), 185-201.
- Nornis, S., & Saamah, M. R. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Patronek, G. J. (1998). Free-roaming and feral cats—their impact on wildlife and human beings. *Journal of the American Veterinary Medical Association*, 212(2), 218-226.

- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 64-83.
- Rogak, L. (2011). *The dogs of war: the courage, love, and loyalty of military working dogs*. Macmillan.
- Schuurman, N., & Dirke, K. (2020). From pest to pet. Liminality, domestication and animal agency in the killing of rats and cats. *TRACE: Journal for Human-Animal Studies*, 6, 2-25.
- Travnik, I. D. C., Machado, D. D. S., Gonçalves, L. D. S., Ceballos, M. C., & Sant'Anna, A. C. (2020). Temperament in domestic cats: a review of proximate mechanisms, methods of assessment, its effects on human—cat relationships, and one welfare. *Animals*, 10(9), 1516.
- Umping, C. K. (2010). *Sempana jaku Iban*. Sarawak Iban Writers Association.
- Zeller, U., & Göttert, T. (2019). The relations between evolution and domestication reconsidered implications for systematics, ecology, and nature conservation. *Global Ecology and Conservation*, 20, e00756.